



Minda

Datuk Dr Choo Yuen May
KETUA PENGARAH MPOB

Industri hiliran sawit berasaskan oleokimia telah mula beroperasi di Malaysia sejak tahun 1980. Walau bagaimanapun, industri ini tertumpu kepada produk oleokimia asas iaitu asid lemak, alkohol lemak, metil ester dan gliserin.

Sehingga kini Malaysia mempunyai 20 peratus kapasiti pengeluaran oleokimia asas dunia, di mana oleokimia asas adalah kurang 90 peratus daripada pengeluaran hiliran minyak sawit bukan makanan, manakala bakinya disumbangkan oleokimia terbitan seperti sabun. Pada tahun 2010, pendapatan eksport negara daripada sektor oleokimia melebihi RM 8 bilion.

Sehingga hari ini Malaysia masih lagi pengeluar utama dunia bagi hanya produk oleokimia asas. Perkara ini mesti diubah kerana keadaan pasaran antarabangsa telah banyak berubah daripada pelbagai aspek.

Banyak cabaran baru perlu diambil kira seperti isu-isu kemampuan industri sawit, duti eksport yang dikenakan oleh Indonesia yang memberi impak yang membimbangkan serta keperluan peraturan perdagangan Kesatuan Eropah yang memerlukan pendaftaran produk kimia (REACH) yang berkuatkuasa pada tahun 2007. Justeru, industri hiliran sawit Malaysia hendaklah melalui proses transformasi supaya ia sentiasa berdaya saing di persada antarabangsa.

Pihak industri tidak boleh lagi selesa dengan produk oleokimia asas saja, yang pada hari ini adalah produk komoditi yang memberi keuntungan yang agak minima. Mereka perlu membabitkan diri dengan pengeluaran bahan kimia hiliran berasaskan minyak sawit yang boleh menjana pendapatan yang lebih tinggi, sekurang-kurangnya antara 15-35%. Tetapi aktiviti hiliran ini memerlukan kos yang amat tinggi dan juga teknologi daripada negara luar terutama daripada benua Eropah.

Peka dengan situasi ini, Kerajaan telah menyediakan peruntukan (geran) sebanyak RM508 juta di bawah Program Transformasi Ekonomi sebagai galakan kepada pihak industri oleokimia untuk berkembang dan melabur dalam pengeluaran produk hiliran dalam sektor minyak sawit yang merangkumi sektor surfaktan, biopoliol, agrokimia, biolubrikan dan terbitan gliserol.

Daripada RM508 juta, sebanyak RM 282 adalah untuk perolehan teknologi luar dan baki RM226 juta adalah untuk aktiviti pra-pengkomersilan. Pihak industri yang berminat boleh menghubungi pihak MPOB atau PEMANDU di Jabatan Perdana Menteri. Setakat ini tiga buah syarikat telah berjaya memperoleh geran ini.

Sejak ditubuhkan pada tahun 1979 (sebagai PORIM), MPOB sentiasa menyokong hasrat Kerajaan di dalam usaha untuk menambah pendapatan industri, rakyat dan negara. Tanaman sawit pada ketika ini adalah tanaman utama negara yang luas tanamannya sudah hampir mencecah 5 juta hektar. MPOB juga sentiasa membantu pihak industri melalui aktiviti penyelidikan dan pembangunan termasuk bantuan teknikal. Dalam bidang penyelidikan hiliran bukan makanan, beberapa teknologi telah dibangunkan oleh MPOB seperti teknologi pengeluaran surfaktan (seperti MES dan esterquat) sebagai bahan aktif untuk detergen dan pelembut fabrik, pelbagai produk kosmetik dan penjagaan diri, bio-poliol dan produk poliuretana, formula berasaskan air bagi kawalan serangga dan rumput rumpai, bio-lubrikan dan gris dan lain-lain lagi. Para usahawan dipelawa menghubungi penyelidik MPOB untuk mengkomersialkan teknologi-teknologi ini.

MPOB juga berjaya membangunkan Makmal Efikasi untuk penilaian produk kosmetik dan penjagaan diri. Fasiliti di makmal ini merupakan fasiliti yang pertama di rantau ini dan ia telah dimanfaatkan oleh pengusaha kosmetik di Malaysia dan negara-negara ASEAN berdekatan seperti Singapura dan Filipina.

MPOB juga sedang dalam proses membangunkan makmal bertaraf OECD-GLP yang boleh memberi perkhidmatan analisis oleokimia berdasarkan keperluan perundangan EU REACH. Sehingga hari ini, Kesatuan Eropah masih lagi pasaran terbesar produk oleokimia Malaysia di mana pada tahun 2010 eksport Malaysia ke Eropah berjumlah 0.60 juta tan (26.7% daripada jumlah keseluruhan eksport oleokimia Negara).

Di bawah unjuran ETP, industri oleokimia dijangka menjana tambahan pendapatan kasar negara sebanyak RM5.8 bilion. MPOB akan berikhtiar untuk memastikan bahawa sasaran ini tercapai. - choo@mpob.gov.my.

Dompok gesa graduan rebut kerja sektor ladang

Peluang luas bahagian pengurusan, pentadbiran dan penyeliaan

Oleh Pancratius Edward Pudim
panpudin@kppk.gov.my

KOTA KINABALU: Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok, menasihati graduan yang masih menganggur di negeri Sabah supaya merebut peluang membina kerjaya di sektor perladangan komoditi.

Beliau berkata, ini kerana, kerjaya di sektor ini tidak hanya terhad kepada kerja buruh tetapi mempunyai jawatan lain termasuk bahagian pengurusan, pentadbiran dan penyeliaan.

"Banyak kekosongan kerja dalam sektor perladangan bagi graduan yang memiliki ijazah, diploma atau sijil, kerana bukan semua kerja di sektor perladangan kerja buruh.

"Oleh itu saya berharap graduan yang belum mempunyai pekerjaan merebut peluang yang ada dalam bidang perladangan," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Pemberian Wang Pendahuluan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) kepada sembilan pelajar baru ijazah pertama dan penyerahan sumbangan kepada 19 Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sekolah rendah dan menengah kawasan Parlimen Penampang, dekat sini, baru baru ini.

Dompok berkata, tujuan kerajaan memberikan pinjaman pendidikan adalah untuk membolehkan pelajar meneruskan pengajian ke peringkat



TAN SRI BERNARD DOMPOK menyampaikan Wang Pendahuluan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) kepada pelajar baru ijazah pertama di Panampang, Sabah baru baru ini.



Kerjaya di sektor ini tidak hanya terhad kepada kerja buruh tetapi mempunyai jawatan lain termasuk bahagian pengurusan, pentadbiran dan penyeliaan

Tan Sri Bernard Dompok
Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi

tinggi agar menjadi modal insan berkualiti bagi membantu pembangunan negara.

"Ini adalah sebahagian daripada matlamat kerajaan untuk meningkatkan sumber manusia terlatih yang dapat menyumbang kepada perkhidmatan lebih berkualiti kepada pembangunan negara.

Dalam perniagaan, pelabur hanya datang ke sesebuah negara jika ada pekerja mahir. Oleh itu pelajar seharusnya memanfaatkan kemudahan disediakan kerajaan untuk meningkatkan ilmu dan kemahiran dalam pelbagai bidang," katanya.

Tiada laporan kesan negatif penggunaan B5

SEREMBAN: Sejak biobahan api B5 dilancarkan 1 Jun lepas, belum ada sebarang laporan mengenai kesan negatif hasil penggunaannya.

Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Dato' Hamzah Zainudin, berkata kementerian itu melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), melakukan pemantauan secara berkala dengan mengambil dan menguji sampel dari stesen minyak terabit.

"Ujian mendapati biobahan api B5 berkenaan berada pada paras sepatutnya dan sesuai untuk kegunaan kenderaan diesel," katanya kepada pemberita selepas pelancaran program B5 peringkat Negeri Sembilan, di sini, baru baru ini.

Negeri Sembilan adalah negeri ketiga melaksanakan program B5 untuk sektor pengangkutan, selepas Putrajaya pada 1 Jun 2011, membabitkan enam stesen minyak serta di Melaka pada 1 Julai lepas yang membabitkan 107 stesen minyak.

Katanya mulai hari itu, diesel yang dibekalkan kepada 156 stesen minyak di Negeri Sembilan mengandungi adunan biodiesel sawit.

"Pada akhir tahun ini, kita akan adakan program yang sama di Kuala Lumpur membabitkan 247 stesen mi-

nyak dan di Selangor, membabitkan 634 stesen minyak. Ini bermakna sehingga akhir tahun ini sebanyak 1,150 stesen minyak di Wilayah Tengah menggunakan B5.

"Ini menunjukkan kita sudah mencapai satu angka yang boleh kita banggakan, walaupun ia agak kecil jika mengambil kira jumlah semua stesen minyak seluruh negara. Pada masa ini, kenderaan milik kerajaan sudah pun menggunakan B5 dan kita perluaskan pula kepada kenderaan pengangkutan berdasarkan banyak kebaikan B5 ini.

"Alhamdulillah, kepada mereka yang telah menggunakan B5 dari Jun hingga kini belum ada satu aduan pun berhubung penggunaannya. Ini memberikan satu lagi cerita baik untuk negara kerana Perdana Menteri mengumumkan bahawa beliau mahu mengurangkan pengeluaran karbon dalam negara, sekurang-kurangnya melalui penggunaan B5 ini," katanya.

B5 merujuk kepada penggunaan adunan 5 peratus metil ester sawit dengan 95 peratus diesel petroleum.

Hamzah berkata, kajian menunjukkan bahawa penggunaan biodiesel sawit menyumbang kepada pengurangan sebanyak 50 peratus pelepasan gas rumah hijau (GHG) berbanding diesel fosil.

"Biodiesel juga dapat meningkatkan

prestasi enjin dan seterusnya menyumbang kepada pelepasan asap kenderaan yang lebih bersih," katanya.

Katanya program B5 tidak memberi implikasi kenaikan harga minyak memandangkan kerajaan akan terus menyediakan subsidi bagi memastikan harga runcit biobahan api B5 ini pada kadar yang sama dengan harga diesel petroleum.

Katanya sejak Februari 2009, penggunaan B5 dilaksanakan oleh agensi kerajaan seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) yang membabitkan 3,900 buah kenderaan berenjin diesel dan sehingga kini, tiada sebarang laporan mengenai kesan negatif hasil daripada penggunaan B5.

Katanya, Eropah dan Amerika Syarikat memperkenalkan penggunaan adunan biodiesel dengan diesel petroleum sejak awal tahun 2000.

"Thailand melaksanakan adunan B2 (2 peratus biodiesel dalam diesel) secara mandatori bermula April 2008. Selain itu, Filipina mewajibkan penggunaan adunan B1 (1 peratus biodiesel dalam diesel) sejak Mei 2007. Mulai tahun 2006, Indonesia menggunakan B5 di Bandar dan daerah terpilih," katanya.

350 sertai seminar Gagasan 1Malaysia

Oleh Che Johari Mamat
mjohari@mpob.gov.my

Penjawat awam perlu dukung untuk kesejahteraan rakyat

B ANGI: Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) dengan kerjasama Biro Tatanegara menganjurkan Seminar Gagasan 1Malaysia di Dewan Sawit, Ibu Pejabat MPOB, di sini, baru baru ini, disertai 350 kakitangan KPPK dan agensi di bawahnya.

Gagasan 1Malaysia yang berwawasan Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan adalah konsep diperkenalkan Datuk Seri Najib Razak sewaktu beliau dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia ke-6 pada 3 April 2009.

Ketua Setiausaha KPPK, Datin Paduka Nurmalia Abdul Rahim, berkata gagasan 1Malaysia bukanlah satu wawasan atau gagasan pemikiran baru, sebaliknya satu konsep dalam bidang pentadbiran yang menyaranakan pemimpin dan kakitangan ke-



Datin Paduka Nurmalia Abdul Rahim

rajaan melaksanakan tugas dengan cekap, amanah dan bertanggungjawab demi kepentingan rakyat.

Beliau berkata demikian sewaktu berucap merasmikan seminar ber-

kenaan yang dihadiri Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May.

Beliau berkata, "Gagasan 1Malaysia adalah sesuatu yang sangat dekat dengan kita, kerana sebagai penjawat awam, kita perlu mendukung gagasan ini bagi memastikan setiap tindak tanduk harus bermatlamatkan untuk rakyat.

"Setiap inisiatif, projek dan program, hendaklah mempunyai outcome dan impak jelas dan sampai kepada rakyat.

"Bagi merealisasikan gagasan 1Malaysia, kita perlu melakukan transformasi minda, memurnikan etika kerja dan memperbaiki sistem penyampaian perkhidmatan."

"Kita sebagai rakyat pasti mengharapkan Kerajaan dapat menjaga kebajikan kita agar dapat hidup da-

lam suasana selesa, harmoni, tanpa kacau bilau atau peperangan seperti yang sedang dialami beberapa negara. Kita adalah sebahagian daripada sasaran Kerajaan yang mendapat faedah dan nikmat daripada gagasan 1Malaysia," katanya.

Gagasan 1Malaysia adalah wawasan Kerajaan bagi mengutamakan keperluan dan kepentingan rakyat. Antara prinsip utama yang mendasari 1Malaysia adalah kebersamaan (togetherness) dan kekitaan (sense of belonging) dalam satu keluarga besar.

"Gagasan ini adalah pemangkin kepada kelahiran sebuah bangsa yang mementingkan sikap kesamaan dan kekitaan di kalangan rakyat melalui penghayatan nilai teras 1Malaysia, iaitu berprestasi tinggi, budaya keteta-

pan, budaya ilmu, integriti, keta-bahan, kesetiaan, kebijaksanaan dan budaya inovasi," katanya.

"Selaras prinsip keadilan sosial untuk semua kaum, nasib dan kepentingan semua kaum dan ngan masyarakat yang memerlukan bantuan kerajaan akan dibetulkan keutamaan sewajarnya.

"Perkara ini turut menjadi agenda utama KPPK, semua pihak termasuk pekebun kecil akan diberi layanan sama rata berdasarkan merit agar semua pihak dapat menikmati keadilan sosial," katanya.

Nurmalia berkata, selaras wawasan menjadikan Malaysia negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020, pembangunan dan kemajuan dalam semua sektor termasuk industri perladangan dan komoditi akan terus dipertingkatkan.

Ketua Pengarah ketua lawatan ke Suruhanjaya Eropah dan JRC

Oleh Puah Chiew Wei
cwpuah@mpob.gov.my

R OTTERDAM: Ketua Pengarah, Datuk Dr Choo Yuen May telah mengadakan lawatan kerja teknikal ke Suruhanjaya Eropah (European Commission - EC) di Brussels, Belgium pada 23 September 2011 dan Joint Research Centre (JRC) di Ispra, Itali pada 26 September 2011. Lawatan kerja ini adalah susulan kepada lawatan kerja yang telah diadakan sebelum ini bagi membincangkan perundangan Renewable Energy Directive yang telah dilaksanakan mulai 5 Disember 2010. Pihak EC diwakili oleh Hans van Steen dan Ewout Deurwadeer dari Directorate General of Energy. Delegasi JRC pula diketuai oleh Dr Heinz Ossenbrink, Ketua Unit, Renewable Energy, Institute for Energy. Pihak EC dan JRC menyambut baik lawatan MPOB dan bersetuju akan terus berinteraksi supaya data saintifik baru mengenai sawit dapat digunakan dalam perundangan tersebut.

EC dan JRC dimaklumkan berhubung yang diamalkan oleh industri sawit Malaysia bagi memastikan pembangunan industri sawit secara mampan seperti yang digariskan di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA).

Perkembangan terkini mengenai kajian penilaian kitar hidup biodiesel sawit yang dijalankan oleh MPOB dan pengiraan pelepasan gas rumah hijau (GHG) juga dibincangkan. Di samping itu, impak penggunaan biodiesel terhadap perubahan penggunaan tanah tidak langsung (ILUC) dan sistem pensijilan biobahan api juga dibincangkan.

Pihak EC dan JRC kagum dengan kajian MPOB yang diterima oleh panel antarabangsa dan diterbitkan dalam jurnal antarabangsa. Pihak EC memaklumkan bahawa nilai default GHG akan disemak semula sekiranya terdapat data saintifik yang baru. Di samping itu, perubahan nilai default melibatkan peringkat jawatankuasa dan tidak perlu melalui Parlimen Eropah dan Majlis Eropah (European Council).

Semasa perbincangan dengan JRC, dijelaskan bahawa JRC bertanggungjawab dalam menjalankan kajian saintifik dan mendapatkan data-data berkenaan pengiraan pelepasan GHG. Walau bagaimanapun, pihaknya tidak terbahit secara langsung dalam penentuan arah polisi EU Renewable Energy Directive. JRC telah menjalankan pengiraan pelepasan GHG berdasarkan data baru.

Dalam hal ini, nilai default untuk biodiesel sawit bagi pengurangan gas rumah hijau adalah lebih tinggi berbanding dengan nilai dalam Annex V dalam perundangan tersebut. Di samping itu, pihak MPOB telah dimaklumkan bahawa terdapat pathway baru berasaskan sawit yang dikemukakan untuk ditambah dalam Annex V. Mereka juga dimaklumkan bahawa biobahan api bio-oli dari tandan buah kosong sawit harus dimasukkan.

Bagi isu ILUC, pihak EC menjelaskan bahawa mereka masih belum membuat sebarang keputusan mengenai isu ini kerana kajian ILUC masih dalam penilaian disebabkan banyak ketidakpastian yang didapati dalam penggunaan model yang berbeza. Pihak EC juga menegaskan bahawa perubahan keperluan minima GHG daripada 35



KETUA Pengarah, Datuk Dr Choo Yuen May dan delegasi MPOB bersama wakil European Commission, Encik Hans van Steen dan Encik Ewout Deurwadeer.



KETUA Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May bersama delegasi MPOB semasa perbincangan dengan Joint Research Centre di Ispra, Itali.

peratus kepada 50 peratus seperti masih dalam penilaian.

Sehingga kini, tidak ada keputusan perubahan keperluan ini dalam masa terdekat. Di samping itu, proses pindaan kriteria ini memerlukan masa sekurang-kurangnya satu tahun dan perlu mendapat persetujuan dari semua negara EU. Dalam isu yang sama, pihak JRC memaklumkan bahawa penilaian masih dijalankan atas model yang berlainan dan keputusan kajian dijangka akan diterbitkan dalam masa terdekat. Sungguhpun begitu, penerbitan keputusan kajian adalah budi bicara pihak EC.

Sehingga kini, pihak EC meng-

iktiraf tujuh sistem pensijilan biobahan api berasaskan pelbagai jenis bahan suap. Banyak sistem pensijilan yang masih dalam proses penilaian di peringkat EC. Di samping itu, terdapat juga perjanjian bersamaan yang membolehkan persetujuan dua hala bagi pensijilan biobahan api mengikut kriteria kemampuan yang boleh diiktiraf oleh EC. Walau bagaimanapun, laluan ini memerlukan masa yang sangat panjang bagi mendapat persetujuan dua hala yang menyeluruh.

MPOB juga menjelaskan Kod Amalan yang dibangunkan sebagai sistem pensijilan secara sukarela

dan pensijilan sedang dijalankan di Malaysia. Pihak JRC menyambut baik cadangan untuk bekerjasama dengan MPOB dalam pembangunan sistem pensijilan biobahan api berdasarkan kaedah dalam perundangan tersebut.

Selain daripada itu, pihak JRC juga mencadangkan kerjasama dengan MPOB dalam projek penyelidikan dalam bidang termasuk antara lain, perubahan iklim, tenaga boleh diperbaharu dan pembangunan teknologi baru.

Pihak EC dan JRC mengalu-alukan kerjasama yang lebih erat dengan MPOB dalam menangani isu-isu dalam Renewable Energy Directive. Lawatan kerja teknikal ini berjaya menjelaskan langkah-langkah yang diambil oleh industri sawit negara bagi memastikan pembangunan industri secara mampan.

Di samping itu, MPOB juga komited dalam memastikan akses pasaran biodiesel sawit ke negara Eropah tidak terjejas oleh pelaksanaan perundangan di negara pengimport. Dalam hal ini, MPOB akan meneruskan hubungan erat dengan pihak EC dan JRC untuk membekalkan data saintifik terkini supaya industri sawit negara, termasuk industri biodiesel sawit, terus berdaya saing dan berdaya maju.



Ketua Pengarah bentang kertas kerja di Euro Fed Lipid

Oleh Dr Nagendran Balusundram
nagen@mpob.gov.my

ROTTERDAM: Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May membentang kertas bertajuk Malaysian Government's Efforts Towards Sustainability (Usaha-usaha Kerajaan Malaysia ke arah pembangunan mampan) di Kongres ke-9 Euro Fed Lipid di Rotterdam, Belanda pada 18-21 September 2011 baru baru ini.

Datuk Dr Choo menjelaskan Kerajaan Malaysia mengambil langkah perlu bagi memastikan pembangunan industri sawit negara dilaksanakan secara amalan mampan, iaitu melalui pendekatan pembangunan menyeluruh dan seimbang terhadap 3-P iaitu People (pembangunan yang memberi manfaat kepada penduduk), Planet (pelembagaan kepada amalan-amalan

mesra alam) dan Profit (penjanaan keuntungan kepada perkembangan ekonomi negara).

Beliau juga menjelaskan Kerajaan Malaysia sedang melaksana model ekonomi baru dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang telah mengenalpasti sektor sawit sebagai satu daripada 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA).

"Kerajaan mengenalpasti lapan Projek Permulaan (EPP) yang akan meningkatkan Pendapatan Kasar Negara (PKN). Lima daripada EPP itu bertumpu di sektor hulu dan dianggar akan meningkatkan PKN sebanyak RM 33.1 bilion, manakala tiga EPP di sektor hiliran dianggar menjana PKN sebanyak RM 14.0 bilion menjelang tahun 2020," katanya.

Menurut Dr Choo, Pegawai Penyelidik MPOB juga turut mem-

bentangkan hasil penyelidikan dalam bidang berkaitan seperti kesan tokotrienol ke atas pencegahan barah payudara, formulasi produk berkadungan rendah lemak tepu, penghabluran minyak sawit, penilaian kitar hayat hasil sawit dan serta fenolik sawit.

Kongres Euro Fed Lipid Ke-9 ialah satu kongres utama di rantau Eropah yang menarik penyertaan wakil sektor industri, ahli-ahli akademik dan para penyelidik yang terlibat dalam pelbagai aspek penyelidikan minyak dan lemak.

MPOB adalah di antara penaja utama Kongres itu yang dihadiri oleh hampir 600 peserta daripada kira-kira 50 negara.

Pembentangan pada kongres itu adalah kali pertama memfokuskan kepada kemampuan persekitaran. Pembangunan mampan penana-

man sawit Malaysia diketengah dan dibincangkan oleh peserta yang juga pengguna minyak sawit di rantau Eropah.

Perkembangan ini mencerminkan kesedaran penyelidik dan pengguna minyak dan lemak rantau sini, bahawa pembangunan mampan terutamanya tanaman sawit perlu berasaskan saintifik dan bukan emosi serta publisiti yang diputarbelitkan oleh segelintir aktivis alam sekitar dan pertubuhan bukan kerajaan.

Kongres kali ini juga membahaskan impak asid lemak tepu terhadap kesihatan, dan menyimpulkan bahawa asid lemak tepu yang dikaitkan dengan risiko penyakit kardiovaskular, sebenarnya tidaklah mempunyai impak negatif seperti digambarkan.

Kongres ini memberi peluang pe-

nyelidik MPOB untuk membentangkan hasil penyelidikan dan pada masa yang sama memberi kesempatan bertukar pendapat dengan pakar-pakar di rantau Eropah yang terbabit dalam penyelidikan yang berkaitan.

Pemilihan Rotterdam sebagai lokasi berlangsungnya kongres ini adalah berseesuaian berdasarkan statusnya sebagai pusat pemrosesan minyak dan lemak utama di Eropah.

Dianggarkan 16 juta tan atau satu perempat kapasiti pemrosesan minyak sayuran dan lemak Eropah berpusat di sini.

Dianggarkan, sejumlah 3 juta tan minyak sawit diproses di sini. Syarikat pengeluaran dan pemrosesan minyak sawit Malaysia yang terkemuka seperti Sime Darby dan IOI beroperasi di Rotterdam.



PENGARAH Penyelidikan Biologi, Ahmad Tarmizi Mohammed (sebelas dari kanan) bergambar dengan pelatih baru KOML sesi September 2011 sempena perasmian kursus itu baru baru ini.

120 pelatih KOML daftar

Program latih tenaga tempatan berkaitan mekanisasi ladang

Oleh Che Johari Mamat
mjohari@mpob.gov.my

KERATONG: Seramai 120 pelatih mendaftarkan diri bagi mengikuti Kursus Operator Mekanisasi Ladang (KOML) bagi sesi pengambilan September 2011 di kampus Pusat Latihan Sawit Malaysia (PLASMA), di sini, baru baru ini.

KOML bagi Sesi September 2011 akan mengambil masa selama lima bulan dan merupakan sesi pengambilan kedua bagi setiap tahun. Sesi pengambilan pertama pada April.

Pengarah Penyelidikan Biologi, Ahmad Tarmizi Mohammed, yang mewakili Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May sewaktu berucap merasmikan kursus itu berkata, KOML menyediakan pelbagai program latihan bagi melatih tenaga kerja tempatan berkaitan mekanisasi di ladang sekali gus berupaya mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing.

"Program KOML sebelum ini dijalankan di kampus sementara Pusat Penjenteraan Ladang MPOB, Bangi,

bermula sejak tahun 2006. Pada pengambilan pertama pengajian, penyertaan pelatih hanya lapan orang dan kini pengambilan pelatih terus meningkat dan selepas sepuluh sesi, seramai 320 pelatih telah menamatkan pengajian. Mereka kini sudah bekerja dan sebahagian besarnya bekerja di sektor perladangan sawit," katanya.

Katanya, modul pembelajaran digunakan mengikut National Occupational Skill Standard (NOSS) dan turut diiktiraf Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia (JKM) bagi mengendalikan latihan kemahiran kepada pelatih manakala mereka lulus akan menerima Sijil Kemahiran Malaysia (SKM).

"Selain itu, MPOB juga satu-satunya agensi badan berkanun yang menjalankan ujian pemanduan yang diselia penuh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). Jadi setiap pelatih digalakkan mengambil lesen F dan H untuk pemanduan traktor dan jengkaut.

"Pelatih juga didedahkan pelba-

gai jenis kenderaan dan jentera di ladang termasuk mengetahui kepelbagaian enjin selain mempelajari aktiviti mekanisasi ladang.

"Kursus ini mempunyai tiga tahap pengajian seperti diperuntukkan JKM iaitu Tahap Pertama, Kedua dan Ketiga yang mana setiap tahap mengambil masa lima bulan pengajian yang dibiayai MPOB malah pelatih juga diberi wang saku RM150 setiap bulan," katanya.

Beliau berkata, bekerja di ladang bukan lagi pekerjaan kampung yang dianggap 'biasa-biasa' oleh se-setengah masyarakat kerana setiap aktiviti di ladang sawit bukan saja memerlukan tenaga dan kecekapan tulang empat kerat malah pekerja harus tahu selok-belok mengenai penggunaan peralatan mesin termasuk fungsi enjin bersandarkan ilmu akademi dan kemahiran.

PLASMA Keratong, Pahang, akan menjadi salah satu institusi latihan bagi melahirkan lebih ramai pekerja mahir terutama dalam penggunaan mekanisasi kejenteraan di ladang.

PIPOC 2011
International Palm Oil Congress

PALM OIL
- Fortifying and Energizing the World

To be officiated by
YB Tan Sri Bernard Dompok
Minister of Plantation Industries and Commodities

15-17 November 2011
Kuala Lumpur Convention Centre
Kuala Lumpur, Malaysia

For enquiries:
Rubah Masri (p.poc2011@mpob.gov.my / 603-8769 4567)
Azizah Lockman (p.poc2011@mpob.gov.my / 603-8769 4568)
Norhaliza Kasim (p.poc2011@mpob.gov.my / 603-8769 4570)
Solehah Abd. Bab (solehah@mpob.gov.my / 603-8769 4867)
Salmah Hussin (salmah@mpob.gov.my / 603-8769 4873)



Pengusaha perlu lulus kursus OPNCC

Peserta akan dianugerah sijil melayakkan mereka mohon lesen pengusaha tapak semaian

KELANA JAYA: Bakal pengusaha yang berhasrat memohon dan memiliki lesen tapak semaian sawit daripada Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) perlu menghadiri dan lulus Kursus Pengurusan dan Penyelenggaraan Nurseri Sawit (OPNCC) dan lulus peperiksaan teori dan praktikal kursus itu.

Pemangku Pengarah Pelesenan dan Penguatkuasa MPOB, Muslim Imam Ahmad Shamsuddin, berkata demikian selepas ditanya mengenai syarat permohonan bagi mendapatkan lesen pengusaha tapak semaian sawit.

Beliau berkata, peserta yang lulus kursus itu akan dianugerahkan sijil yang melayakkan mereka untuk memohon lesen pengusaha tapak semaian sawit.

“Pemohon perlu meleng-

kapkan borang yang ditetapkan atau mengisi secara atas talian (online) dan menyerahkan butir lengkap yang diperlukan bagi menyokong permohonan itu,” katanya.

Muslim berkata, melesenkan pengusaha tapak semaian adalah perlu bagi mengawal dan memastikan pengusaha berkenaan menghasilkan anak benih sawit yang berkualiti dari sumber yang sah.

“Pengurusan tapak semaian yang cekap memerlukan perhatian yang khusus, bukan sekadar memastikan bekalan anak benih sawit mencukupi, malah juga menghasilkan anak benih berkualiti tinggi yang berupaya meningkatkan produktiviti tandan buah segar (TBS).

“Pengusaha perlu mendapat bekalan biji cambah yang berkualiti daripada pembekal biji cambah berlesen dan



TAPAK semaian sawit.

diiktiraf MPOB bagi memastikan anak benih yang dihasilkan juga berkualiti.

“Penggunaan anak benih yang bermutu tinggi adalah

satu faktor utama dalam usaha meningkatkan produktiviti sawit di peringkat ladang.

“Dengan menanam anak

benih yang berkualiti dan mempraktikkan pengurusan dan amalan agronomi yang betul akan menghasilkan BTS bermutu dan berpro-

duktiviti yang tinggi.

“Kerajaan menasarkankan purata peningkatan hasil buah tandan segar sebanyak 26 tan sehektar setahun menjelang tahun 2020 dan untuk merealisasikan penghasilan ini, penanam perlu menggunakan anak benih sawit yang berkualiti,” katanya.

Katanya, oleh itu pemilihan dan penggunaan anak benih adalah kritikal dalam penanaman sawit yang mempunyai hayat ekonomi 25 tahun.

Pekebun akan mengalami kerugian jika memilih anak benih yang tidak berkualiti semasa peringkat penanaman.

Penanam dinasihat supaya merujuk kepada MPOB bagi memastikan sumber anak benih sawit yang dibeli dan yang akan ditanam di ladang adalah berkualiti dan tulen, katanya.

Stok minyak sawit bulan Ogos 2011 susut 5.6 peratus

Oleh Norfadilah Hashim
dilal@mpob.gov.my

BANGI: Stok akhir minyak sawit Malaysia pada bulan Ogos 2011 adalah sebanyak 1,884,560 tan, menurun sebanyak 111,836 tan atau 5.6 peratus berbanding bulan Julai 2011.

Penurunan stok minyak sawit bulan Ogos 2011 adalah berikutan penurunan pengeluaran minyak sawit mentah sebanyak 84,066 tan atau 4.8 peratus dan juga penurunan import sebanyak 36,190 tan atau 32.9 peratus.

Eksport minyak sawit juga turut merosot sebanyak 47,058 tan atau 2.7 peratus kepada 1,688,785 tan berbanding 1,735,843 tan pada bulan Julai 2011.

Penurunan eksport disebabkan oleh eksport minyak sawit ke Republik Rakyat China menurun sebanyak 14.5 peratus atau 66,800 tan kepada 394,191 tan berbanding 460,990 tan pada bulan sebelumnya berikutan bekalan stok yang tinggi ekoran dari jumlah import yang tinggi pada bulan sebelumnya.

Eksport minyak sawit ke Mesir turut susut 62.0 peratus atau 61,728 tan kepada 37,865 tan berbanding 99,593 tan pada bulan sebelumnya.

Ini disebabkan import minyak kacang soya yang tinggi dari Brazil dan Argentina

pada bulan Julai 2011.

Eksport ke Iran dan Emiriyah Arab Bersatu menurun masing-masing 69.1 peratus dan 58.6 peratus.

Penurunan eksport minyak sawit ke negara-negara berkenaan disebabkan oleh bekalan stok minyak sawit yang masih mencukupi berikutan import yang tinggi pada bulan sebelumnya.

Di samping itu, produk sawit lain yang terdiri daripada minyak isirung sawit, dedak isirung sawit dan oleokimia mencatat peningkatan masing-masing sebanyak 12 peratus, 16.9 peratus dan 5.1 peratus, manakala biodiesel peningkatan sebanyak 63 kali ganda. Pecahan eksport produk-produk tersebut pada bulan Ogos 2011 adalah seperti berikut:

Eksport minyak isirung sawit meningkat sebanyak 12,826 tan atau 12.0 peratus kepada 119,757 tan berbanding 106,931 tan disebabkan

oleh peningkatan belian oleh Amerika Syarikat. Eksport ke negara meningkat kepada 39,738 tan berbanding 18,121 tan pada bulan Julai 2011

Eksport dedak isirung sawit turut meningkat 32,345 tan atau 16.9 peratus kepada 224,326 tan berbanding 191,981 tan pada bulan Julai 2011 ekoran pertambahan permintaan dari New Zealand meningkat kepada 56,959 tan dari 27,918 tan pada bulan berkenaan.

Eksport produk oleokimia juga meningkat 9,462 tan atau 5.1 peratus kepada 195,367 tan.

Peningkatan eksport didorong oleh pertambahan belian oleh Amerika Syarikat sebanyak 30.4 peratus kepada 20,009 tan berbanding 15,349 tan

Eksport biodiesel melonjak 13,783 tan atau hampir 63 kali ganda kepada 14,007 tan berbanding hanya 224 tan pada bulan sebelumnya.

Ini disebabkan pertambahan permintaan dari Kesatuan Eropah kepada 12,017 tan berbanding hanya 18 tan pada bulan sebelumnya. Jumlah terkumpul eksport minyak sawit bagi tempoh Januari hingga Ogos, 2011 adalah 11,337,581 tan, peningkatan sebanyak 400,489 tan atau 3.7 peratus berbanding 10,937,092 tan untuk tempoh yang sama tahun 2010.

Final Announcement

THIRD
MPOB-IOPRI
INTERNATIONAL SEMINAR:
INTEGRATED OIL PALM PESTS
AND DISEASES MANAGEMENT



MONDAY,
14 NOVEMBER 2011

KUALA LUMPUR
CONVENTION CENTRE (KLCC)

KUALA LUMPUR, MALAYSIA



CO-ORGANISED BY

MALAYSIAN PALM OIL BOARD (MPOB)
MINISTRY OF PLANTATION INDUSTRIES AND
COMMODITIES, MALAYSIA
www.mpob.gov.my

INDONESIAN OIL PALM RESEARCH INSTITUTE (IOPRI)
INDONESIA
www.iopri.org

FAKTA NOMBOR

1,884,560
tan

Stok akhir minyak sawit
Malaysia pada bulan Ogos
2011, menurun sebanyak
111,836 tan atau 5.6 peratus
berbanding bulan Ogos dan
Julai 2011

Pengalaman mengurus ladang beri kelebihan

Abdul Manan jadi peladang, pengusaha sawit berjaya

Oleh Tan Say Peng, Azrujabir Rejab dan Khairi Azhar Ismail

ANAK kelahiran Raub, Pahang, Abdul Manan Ahmad, 58, adalah pengusaha sawit sepenuh masa selepas bersara sebagai Pengurus Ladang di Ladang Jaya Baru, Kilang Kelapa Sawit Felera, Changkat Lada, pada 2006 di Pertubuhan Peladang Negeri Perak (PPNP).

Sebelum itu, beliau berkhidmat selama 32 tahun di Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) sebagai Pembantu Khidmat Peladang di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kampung Gajah, Perak.

Pada 1978, beliau berkahwin dengan Zaitun Ahmad dan dikurniakan lima anak. Mereka menaikan haji pada 2003. Isterinya sentiasa memberi semangat, dorongan dan galakan untuk berjaya dalam bidang dibebani.

Beliau menerima Anugerah Khidmat Cemerlang sebanyak dua kali ketika berkhidmat di LPP. Beliau juga adalah Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Kawasan dan Ahli JKK Kampung Gajah.

Selain itu, beliau juga adalah Adik Surau Darul Iman, Kompleks Pejabat Tanah Kampung Gajah dan bergiat aktif dalam bidang politik setempat dengan jawatan sebagai Bendahari UMNO cawangan Pekan Kampung Gajah.

Bersandarkan pengalaman di LPP, beliau memulakan tanaman sawit secara berperingkat dengan memajak tanah seluas 16.2 hektar di Ladang Air Kuning pada 2004 dengan modal

permulaan kira-kira RM120,000 bagi memulakan cita-citanya menjadi pengusaha sawit berjaya.

Abdul Manan menggunakan sistem tanaman segi tiga sama dengan jarak tanam 8.84 m x 8.84 m x 8.84 m dengan kepadatan 148 pk/ha untuk mendapatkan hasil yang optimum dan pengurusan yang lestari.

Beliau juga menggunakan sumber anak benih sawit D x P (Felda dan United Plantation) yang dibeli dari tapak semeian berlesen selepas mendapat nasihat daripada Pegawai TUNAS MPOB.

Kebun sawit beliau dibaja sebanyak tiga kali setahun. Aktiviti membaja biasanya dilakukan ketika keadaan tanah yang lembap kerana ini dapat mempengaruhi keberkesanan resapan baja oleh tanaman sawit.

Jenis baja kimia yang digunakan ialah baja sebatian MPOB F1 yang ditabur tiga pusingan setahun sebanyak 8 kg/pk setahun (2.7 kg/pokok/pusingan). Selain itu, kawalan perosak dan penyakit dilakukan apabila terdapat tanda serangan.

Aktiviti pemangkasan pelepah dilakukan ketika kerja menuai buah sawit dijalankan dengan dua pelepah pada tandan hitam yang terakhir dikekalkan.

Beliau meletakkan pelepah yang dipangkas selang sebaris dan dibariskan reput bagi memastikan kerja pemuaian dan lain-lain kerja penyelenggaraan kebun dapat dilakukan dengan sempurna.

Pusingan penuaian diamalkan ialah setiap 14 hari sepusingan dengan pjawalan sekurang-kurangnya sebihi buah relai gugur ke tanah dengan

warna kulit luar sawit oren kemerahan. Ini amat penting ujar beliau bagi memastikan buah sawit cukup masak dan berkualiti untuk dijual bagi mendapat harga premium.

Semua biji sawit relai dikutip dan dihantar bersama buah tandan segar ke Pusat Timbang PPK Kampung Gajah dalam tempoh 24 jam.

Bagi kerja meracun rumpai, beliau menggunakan dua jenis racun iaitu racun serap dan racun sentuh. Kebiasaannya beliau akan menggunakan racun jenis serap untuk menghapuskanalang supaya dapat memberi kawalan yang berkesan, kos efektif dan lebih lama.

Kerja meracun dijalankan dua hingga tiga kali setahun bergantung kepada keadaan ladang dan kebiasaannya dilakukan sebelum kerja pembajaan dijalankan.

Berdasarkan rekod, pada 2008 dan 2009, hasil kebun yang diusahakan adalah 30 tan/ha/tahun. Kejayaan ini adalah berkat usaha gigih tanpa mengenal jemu untuk memperoleh pendapatan lumayan, di samping selalu bertanyakan segala permasalahan dan penyelesaian kepada Pegawai TUNAS MPOB Kawasan Kampung Gajah yang dijadikan panduan dalam pengurusan sawit.

Buat masa ini, Abdul Manan memajak tanah seluas 94 hektar di beberapa kawasan sekitar Kampung Gajah. Beliau juga mengamalkan integrasi dengan tanaman tembikai dan pisang seluas 16.2 hektar dan kebun seluas 60 hektar dengan integrasi ternakan lembu.

Beliau juga adalah penerima Bantuan Tanam Semula Sawit (SITS/PRE2) di bawah MPOB. Kebun seluas 16.2 hektar diintegrasikan dengan tanaman tembikai dan pisang selepas tanam semula. Tanaman tembikai ditanam selepas 70 hari dan kemudian ditanam dengan pisang.

Bagi kebun seluas 60 hektar dengan pokok sawit berumur 8 tahun, beliau memulakan integrasi dengan 11 ekor lembu baka Kedah-Kelantan Cross dan Brahman Cross yang terdiri daripada 10 ekor betina dan seekor jantan.

Kini ada 35 ekor lembu induk di kebun beliau yang setiap tahun dapat menghasilkan 30 ekor anak lembu. Kebiasaannya anak lembu ini akan dijual apabila mencapai umur setahun dengan harga RM1,200 seekor.

Tujuan pelaksanaan integrasi ini ujarnya adalah untuk memaksimumkan penggunaan tanah dan hasil, secara tidak langsung mengurangkan kos merumai.

Selain daripada mengusahakan tanaman sawit dengan integrasi tanaman dan ternakan, Abdul Manan juga mengusahakan projek sampingan di dalam bidang vermikompos, iaitu menghasilkan baja hasil cacing daripada tinja ternakan lembu pada tahun 2008.

Dengan kerjasama Jabatan Per-



ABDUL MANAN (kiri) menggunakan Baja MPOB F1 untuk tanam sawitnya bagi mencapai hasil yang tinggi.



ABDUL MANAN memulakan tanaman sawit secara berperingkat dengan memajak tanah seluas 16.2 hektar di Ladang Air Kuning pada 2004.

Saya berterima kasih kepada MPOB kerana menempatkan seorang Pegawai TUNAS MPOB di kawasan ini yang dijadikan sumber dan panduan dalam meneruskan rentak kecemerlangan dalam tanaman sawit. Saya juga berpendapat, teknologi baru diperkenalkan MPOB melalui Pusat TUNAS wajar diamalkan pekebun kecil bagi memaksimumkan pendapatan dan meminimumkan kos seterusnya menjamin keuntungan lumayan

Abdul Manan Ahmad
Pengusaha sawit

nian yang memberikannya kursus awalan, kini beliau menubuhkan syarikat sendiri, iaitu Mosham Marketing Enterprise bagi tujuan mempromosi dan memasarkan produk vermikompos ini.

Terdapat dua produk yang dikeluarkan, iaitu baja organik vermikompos dan baja cecair vermitea bertujuan untuk menyuburkan tanaman buah-buahan dan sayur-sayuran.

Beliau berterima kasih kepada MPOB kerana menempatkan seorang Pegawai TUNAS MPOB di kawasan beliau yang dijadikan sumber dan panduan dalam meneruskan rentak kecemerlangan dalam tanaman sawit.

Beliau berpendapat, teknologi baru yang diperkenalkan MPOB melalui Pusat TUNAS wajar diamalkan pekebun kecil bagi memaksimumkan pendapatan dan meminimumkan kos seterusnya menjamin keuntungan yang lumayan.

Beliau menegaskan: "Disiplin dalam pembahagian masa, di samping usaha yang gigih mampu menjamin pendapatan lumayan."



INTEGRASI ternakan lembu dalam tanaman sawit turut dilaksanakan dalam kebun seluas 60 hektar.



PENGUNAAN baja yang betul menjamin mutu sawit yang berkualiti.

BANTUAN RM 7,000 PER HEKTAR

SKIM TANAM SEMULA SAWIT PEKEBUN KECIL (TSSPK)
(Projek EPP1 di bawah NKEA)
Jangan Berlelah Lagi....!

SYARAT PENYEDIAAN

- Warganegara Malaysia
- Pekebun kecil sawit persendirian dengan jumlah keluasan pemilikan tanah maksimum 40.44 hektar (100 akar).
- Memangkin lesen MPOB
- Keputusan sawit berumur melebihi 20 tahun atau yang tidak produktif.
- Suatu pemohon secara individu atau berkelompok.
- Jika maksimum bantuan 40.44 hektar

BANTUAN PENYEDIAAN KEBUN (BPK)
BPK sebanyak RM600/bulan akan dibayar selama dua tahun kepada pemohon yang lulus dan mematuhi syarat seperti berikut:

- Pekebun kecil sawit sepenuh masa
- Mempunyai pemilikan tanah sawit tidak melebihi 2.8 ha secara agregat
- Keperluan tenaga kerja yang akan ditaman semula dan fasa sumber pendapatan tetap yang lain
- Suatu pemohon sahaja layak jika ada penamo lain dalam satu geran.
- Layak sesuai sepanjang tempoh skim

KAEDAH PELAKSANAAN PROGRAM
Pemohon berhak memilih salah satu kaedah pelaksanaan seperti di bawah:

- Pekebun mengurangkan sendiri semua kaji sekalian penyediaan tapak dan membeli anak benih daripada pembekal yang dibekalkan oleh MPOB atau input perkhidmatan dari pembekal yang terpilih dan memulau bayaran daripada MPOB dengan mengemukakan rekod/raai diaman berakur.
- Pekebun boleh menyerahkan urusan penyediaan tanah semula, pemuaian dan pembelian input perkhidmatan kepada kontraktor yang dibenarkan oleh MPOB.
- Pelaksanaan adalah secara individu dan kakompok.

UNTUK KETERANGAN LANJUT SILA HUBUNGI

- Ahmad Azhar (Tel: 024-497 02-013-555 0958 Sabtu)
- Khairi Azhar Ismail (Tel: 024-497 02-013-553 23-Berweek)

Terbuka kepada semua pekebun kecil sawit persendirian.
Tempoh skim : Februari - Disember 2011
Tempoh pemohonan : Februari - Mei 2011



Urus kebun tak sempurna jejas hasil

Gagal urus tanaman akan jejas hasil buah tandan segar di ladang

Oleh Nur Hanani Mansur
nurhanani@mpob.gov.my

B ANGI: Pekebun kecil sawit gagal mengurus tanaman sawit mereka dengan sempurna adalah punca utama penghasilan buah tandan segar (BTS) yang mereka perolehi rendah berbanding sektor perladangan.

Ketua Unit Pengembangan dan Latihan, Hamdan Abu Bakar, berkata demikian selepas ditanya mengenai prestasi penghasilan pekebun kecil sawit negara secara keseluruhan.

Beliau berkata, purata penghasilan pekebun kecil adalah 14 hingga 15 tan sehektar setahun, lebih rendah berbanding pencapaian hasil ladang yang mencecah 35 tan sehektar setahun. Purata penghasilan BTS kebangsaan pula 20 tan sehektar setahun.

“Melalui pengurusan tanaman dan amalan agronomi yang disarankan pekebun kecil berupaya memperoleh pengeluaran BTS yang tinggi. Ini terbukti dengan pengalaman di plot penyelidikan MPOB yang berjaya menghasilkan sehingga 42 tan sehektar setahun,” katanya.

Hamdan berkata, masih ramai pekebun kecil sawit yang tidak menyedari tentang pentingnya pengurusan sempurna tanaman sawit untuk mencapai penghasilan tinggi.

INFO

Mengapa pekebun kecil mendapat hasil BTS rendah?

- Anak benih tidak berkualiti
- Penyediaan kawasan kurang sempurna.
- Jarak tanaman tidak betul.
- Pengurusan tanaman tidak sempurna.
- Kawalan rumpai tidak sempurna.
- Pembajaan tidak sempurna.
- Penanaman dilakukan di tanah bermasalah.
- Penuaian tidak cekap.
- Biji lerai tidak dikutip.

“Penanam sawit perlu memastikan anak benih DxP yang tulen saja digunakan untuk tanaman di kebun. Benih berkualiti ini hanya boleh didapati daripada pengusaha tapak semeian yang berlesen dengan MPOB serta mempunyai sijil kewibawaan tapak semeian sawit (OPNCC).

“Pekebun juga perlu memastikan kepadatan tanaman setiap hektar yang digunakan mengikut jenis ta-



BUAH tandan segar (BTS) yang dihasilkan dari kebun sawit.

nah iaitu 136 hingga 160 pokok sehektar.”

“Mengikuti penyelidikan MPOB, sekiranya pekebun menggunakan 20 pokok anak benih yang tidak berkualiti, pekebun akan mengalami kehilangan hasil BTS sehingga 3.84 tan sehektar setahun,” katanya.

Hamdan berkata, pembajaan adalah penting bagi memastikan penghasilan yang maksimum. Kekurangan membaja secara minimum 3 hingga 5 pusingan setahun bagi pokok muda dan 2 hingga 3 pusingan

bagi pokok matang perlu dilakukan.

Selain itu katanya, 5 hingga 6 pusingan kawalan rumpai bagi pokok muda dan 2 pusingan pokok matang perlu dilakukan setiap tahun. Sekiranya tidak dilakukan dengan sempurna akan menyebabkan pokok tidak dapat mengambil sepenuhnya baja yang ditabur akibat mengganggu tumbesaran pokok.

Pemangkasan pelepah juga menyumbang pengeluaran hasil tinggi. Pokok muda berumur kurang 3 tahun, hanya pelepah kering dibu-

ang sementara pokok matang simpan 2 hingga 3 pelepah di bawah tandan buah yang akan masak pada pusingan seterusnya.

Faktor terakhir yang penting ke arah pengeluaran hasil yang tinggi adalah amalan penuaian secara cekap. Ini termasuklah menuai hanya buah masak dan mengutip semua buah lerai.

“Pihak kilang memproses buah hanya membayar harga BTS berdasarkan kepada kadar perahan minyak iaitu kandungan minyak yang diperolehi saja,” katanya.

Penanam perlu rancang guna baja

Oleh Che Johari Mamat
mjohari@mpob.gov.my

B ANGI: Baja adalah satu komponen penting untuk pertanian. Penanam sawit perlu membekalkan baja yang mencukupi supaya pokok sawit berupaya mengeluarkan hasil yang maksimum dan memberikan pulangan pendapatan yang tinggi.

Penanam sawit juga perlu memastikan baja seimbang seimbang untuk pokok sawit perlu mengandungi unsur nutrien nitrogen (N), fosfat (P), kalium (K), magnesium (Mg) dan boron (B).

Pengarah Penyelidikan Biologi MPOB, Ahmad Tarmizi Mohammed, berkata demikian selepas ditanya cara penggunaan baja untuk tanaman sawit bagi mendapat pulangan penghasilan yang tinggi.

Beliau berkata, memandangkan harga baja mengalami peningkatan sejak beberapa tahun kebelakangan ini, penanam sawit dinasihatkan supaya terus membekalkan baja kepada tanaman mereka dengan perancangan yang rapi.

“Penanam perlu menggunakan strategi penjimatan dengan membekalkan baja secara berhemah dan cekap kepada tanaman sawit

mereka dengan kos yang berpatutan tanpa pembaziran dan tanpa kesan kepada alam sekitar,” katanya.

Penanam sawit dinasihatkan supaya mengamalkan langkah-langkah penjimatan penggunaan baja seperti berikut;

1) Jangan bekalkan baja lebih daripada yang diperlukan oleh pokok. Pembajaan yang mencukupi dan seimbang perlulah mengikut potensi hasil tanaman masing masing;

● Jumlah baja pula ialah 11-12 kilogram setiap pokok setahun bagi kawasan tanaman sawit yang boleh menghasilkan lebih dari 12 tan buah setiap ekar setahun;

● 9 hingga 10 kilogram setiap pokok bagi yang boleh menghasilkan lebih dari 10 tan buah setiap ekar setahun;

● 7 hingga 8 kilogram setiap pokok bagi yang menghasilkan lebih dari 8 tan buah setiap ekar setahun; dan

● Hanya 5 hingga 6 kilogram setiap pokok setahun bagi yang menghasilkan kurang dari 7 tan buah setiap ekar setahun.

2) Membaja di kawasan akar yang aktif supaya baja yang larut dalam bentuk nutrien mudah diserap oleh pokok dan dapat mengurangkan ke-

hilangan nutrien melalui hakisan, larutresap atau pemeruapan.

3) Pemuliharaan air dan tanah. Tanah perlu sentiasa lembap dan segar dengan kehidupan.

● Biarkan rumpai lembut seperti pakis dan rumput tumbuh dalam lingkungan 10 peratus hingga 20 peratus untuk menjaga kelembapan tanah dan menurunkan kadar hakisan tanah.

● Bina parit ladang mencukupi supaya aliran air terkawal dan limpahan air hujan tidak merentasi ladang dan menghakis tanah.

● Kawasan yang beralun dengan kecerunan yang sederhana perlu bina teres dan permatang (ban) untuk mengurangkan kadar hakisan dan membina takungan keladak untuk menyimpan tanah yang terhakis di antara barisan pokok.

4) Tentukan ladang bebas dari rumpai parasit dan pokok renek. Kawasan membaja di sekeliling pokok perlulah bersih.

5) Lakukan sungkupan dan kitaran semula biojisim kelapa sawit seperti susunan pelepah yang betul dan sungkupan tandan kosong drai kilang sawit.

6) Elakkan membaja dalam musim hujan. Elakkan pembajaan dalam semasa musim tengkujuh iaitu dari November hingga Januari.



MPOB

Cosmetic COURSE

The Quest of a Formulator:
Five Key Elements in
Formulating Emulsions



10 - 14 October 2011
MPOB Head Office, Bangi, Selangor

ENQUIRY/CONTACT

Registration
HRD & Conference Management Unit
Tel : 603-8926 7046
Fax : 603-8925 7549
Atziah Lockman/603-8769 4568/ atziah@mpob.gov.my
Solehah Abdul Bab/ 603-8769 4867/ solehah@mpob.gov.my

MALAYSIAN PALM OIL BOARD (MPOB)
Ministry of Plantation Industries and Commodities, Malaysia
www.mpob.gov.my

Skim diskaun Cantas dapat sambutan

Oleh Mohd Hairi Jati
mohdhairi@mpob.gov.my

Pekebun Kampung Terangkongan, Kota Marudu, sokong guna penuai buah

KOTA MARUDU: Program promosi penggunaan mesin penuai buah sawit bermotor (Cantas) oleh MPOB melalui Skim Diskaun Cantas (SKIDID) di Kampung Terangkongan daerah Kota Marudu, Sabah, baru-baru ini, mendapat sambutan baik dari pekebun kecil kawasan berkenaan.

Seramai 140 pekebun kecil sawit menghadiri majlis berkenaan yang dirasmikan Ketua Unit Perundingan Dan Implementasi Projek MPOB, Suboh Ismail yang mewakili Pengarah Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan MPOB, Idris Omar.

Kawasan tersebut mempunyai kepadatan pekebun sawit yang ramai dan majoriti memiliki tanaman sawit berumur kurang 6 tahun dan baru mula melakukan aktiviti penuaian buah tandan segar (BTS).

Program Promosi SKIDID yang berlangsung di Rumah Budaya Rungus Tindakon Dazaang Beach, Kampung Terangkongan Laut, diisi dengan program ceramah dan dialog dengan tumpuan memberi pendedahan dan penjelasan kepada pekebun kecil berkaitan penggunaan Cantas.

Diskaun bagi pembelian Cantas dilaksanakan Kerajaan melalui MPOB bagi menggalakkan pekebun kecil mengguna pakai teknologi baru penanaman sawit yang bukan saja berupaya menangani masalah kekurangan tenaga buruh bahkan



PEKEBUN menggunakan Cantas bagi aktiviti menuai buah sawit.

juga meningkatkan produktiviti.

Pekebun kecil sawit yang layak mendapat skim diskaun itu akan dapat menjimatkan RM1,000.

Skim Diskaun Cantas adalah satu pendekatan membantu pekebun kecil berkaitan pengurusan kebun sawit ke arah pengamalan pertanian baik terutama kaedah menuai buah tandan segar (BTS) yang lebih efektif melalui penggunaan Cantas.

Melalui penggunaan Cantas, kerajaan mensasarkan akan berupaya menarik golongan belia untuk mencuburi sektor perladangan. Penggunaan mekanisasi seperti ini akan memudahkan kerja dan pada masa sama berupaya memberikan pendapatan lumayan.

Pada majlis itu, Suboh menggesa pekebun kecil mendapatkan khidmat nasihat dari pegawai TUNAS untuk membantu mereka mengurus dan menyelenggara kebun melalui amalan pertanian baik yang memenuhi kehendak Kod Amalan Baik.

Pekebun kecil turut disaran menyertai Koperasi Pekebun Kecil bagi memudahkan MPOB menyalurkan bantuan dan pada masa sama menikmati pelbagai faedah.

Beliau turut menyampaikan Cantas kepada pekebun kecil yang berjaya mendapat skim diskaun pada majlis itu. Turut hadir, Ahli Kelab 30 Tan dan penerima Skim Bantuan Anak Benih dan Pekebun Kecil persendirian.

MPOB sedia bantu pekebun kecil

Oleh Mohd Rafie Omar
mrafie@mpob.gov.my

KENINGAU: MPOB bersedia menawarkan khidmat nasihat dan tunjuk ajar kepada pekebun kecil mengenai cara penanaman dan penyenggaraan tanaman sawit di daerah ini bagi meningkatkan penghasilan sekali gus meningkatkan pendapatan.

MPOB yang turut diundang bagi program Pembangunan Pertanian Parlimen (MPPP) anjuran Kerajaan Negeri Sabah bagi kawasan Keningau menyertainya melalui aktiviti pameran dan mengambil kesempatan berdamping dengan pekebun kecil tempatan.

Program berkenaan berlangsung di padang Kampung Kikiran, Apin-Apin, kira-kira 15 kilometer dari pekan Keningau, bertujuan mendekati rakyat dan memudahkan penyampaian bantuan serta khidmat nasihat bagi pembangunan pertanian kepada penduduk tempatan.

MPOB yang diwakili pegawai TUNAS kawasan Tenom, Keningau dan Lahad Datu berganding tenaga di majlis itu memberi penerangan dan tunjuk ajar cara penyenggaraan tanaman sawit melalui amalan mampan bagi penghasilan buah tandan segar (BTS) yang tinggi sekali gus berupaya meningkatkan pendapatan.

Pengunjung dan pekebun kecil diberi maklumat bahawa Kerajaan melalui MPOB menyediakan pelbagai kemudahan dan bantuan seperti Skim Bantuan Tanam Semula Sawit dan Skim Tanam Baru Sawit berjumlah RM7,000 setiap hektar kepada pemohon yang layak.

Selain itu, Skim Diskaun Cantas (SKIDID) untuk pekebun kecil yang dapat menjimatkan RM1,000 juga turut diwar-warkan bagi memudahkan dan meringankan beban kerja pekebun kecil. Ia bukan saja mudah digunakan malah menjimatkan tenaga dan pada masa sama meningkatkan produktiviti.

Pekebun kecil yang mengunjungi gerai pameran juga dimaklumkan penggunaan anak benih berkualiti

adalah perlu bagi penghasilan tinggi. Untuk tujuan itu, pekebun dinasihati supaya mendapatkan pengesahan daripada MPOB ke atas pembekal anak benih sawit.

Pekebun kecil dinasihati supaya hanya membeli anak benih daripada pembekal yang mempunyai lesen sah daripada MPOB.

Pegawai bertugas juga turut membekalkan senarai nama pembekal anak benih dan pengusaha tapak semeaian yang berlesen dengan MPOB untuk rujukan.

MPPP judkan oleh Kerajaan Negeri Sabah bertujuan memudahkan penyampaian pembangunan pertanian secara langsung kepada rakyat. Majlis itu dianggotai semua agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani serta NGO terpilih.

Aktiviti seperti ini akan juga membuka ruang perniagaan kepada peladang khususnya pekebun dan penternak ikan kecil-kecilan yang mempunyai produk untuk memasarkan hasil-hasil keluaran mereka.

Selain itu, aktiviti ini berupaya menjadi forum dan tempat pertemuan antara masyarakat peladang dan pekebun kecil di sekitar pekan Apin-Apin bagi membincang dan meningkatkan lagi urusan niaga kepada skala yang lebih besar.

INFO

- Skim Diskaun Cantas untuk pekebun kecil yang dapat menjimatkan RM1,000 juga turut diwar-warkan bagi memudahkan dan meringankan beban kerja pekebun kecil.
- MPPP adalah badan yang diwujudkan oleh Kerajaan Negeri Sabah bertujuan memudahkan penyampaian pembangunan pertanian secara langsung kepada rakyat.

★ ★ ★ ★ ★ TAWARAN HEBAT ★ ★ ★ ★ ★

SKIM DISKAUN CANTAS™ (SKIDID)

TUNGGU APA LAGI ?!
SIAPA CEPAT DIA
DAPAT

JIMAT RM1000!!!!
Untuk setiap unit pembelian Pemotong Sawit Bermotor (Cantas™)

KEGUNAAN CANTAS™
Untuk menuai tandan dan boleh melakukan kerja-kerja lain serentak.

KEBAKUAN CANTAS™

- Pantas – masa bekerja yang cepat, dapat menuai lebih banyak tandan sawit dan boleh melakukan kerja-kerja lain serentak.
- Jimat Tenaga – tidak melelahkan dan dapat memanjatkan masa bekerja.
- Mudah – mampu dikendalikan oleh wanita dan warga emas.
- Bergaya – boleh menarik minat anak muda untuk bekerja di ladang sawit.

adalah badan yang diwujudkan

- Meningkatkan pendapatan bagi yang mengambil upah penendalian.
- Boleh menjadi kontraktor mengambil upah menuai di kebun orang lain.

SIAPA YANG LAYAK?

1. Warga-negara Malaysia atau pemastautin tetap.
2. a. Bagi pekebun kecil persendirian yang menuai kebun sendiri, minimum keluasan penanaman adalah 2 ha.
- b. Bagi penilai persendirian/peniaga/kontraktor yang memberi khidmat penanaman di kebun sawit milik pekebun-pekebun kecil? Jumlah keluasan minimum ialah 20 ha** atau menuai di kebun sawit yang dimiliki oleh tidak kurang 10 pekebun kecil atau keluasan yang munasabah bergantung kepada persekitaran, lokasi dan topografi atau sebab-sebab lain yang diputuskan oleh MPOB. Bagi yang menuai ladang syarikat swasta/estet, jumlah keluasan minimum adalah 30 ha @ 1 unit Cantas™.
3. Lat-lat yang dituai mempunyai lesen MPOB (kecuali peserta rancangan terasul).

SAGAIMANA MEMOHON?
Permohonan melalui borang boleh dibuat melalui Pegawai TUNAS di kawasan anda.

UNTUK KETERANGAN LANJUT, SILA HUBUNGI:

- Shellyza Mohd Ishak tel: 03-8769 4549
- Siti Zuhairah Md Zali tel: 03-8769 4252
- atau lawati www.mpob.gov.my



Australia iktiraf industri minyak sawit

Keputusan tolak Rang Undang-Undang Pelabelan Minyak Sawit bukti tuduhan tak berasas

TAN Sri Datuk Dr. Yusof Basiron, Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC), mengalu-alukan keputusan Jawatankuasa Ekonomi Dewan Rakyat Australia Mengenai Laporan Ekonomi Terhadap Pindaan Piawaian Makanan (Ketelusan Penglabelan-Minyak Sawit 2010) mengesyorkan agar rang undang-undang ini ditolak dengan sokongan Kerajaan Parti Buruh Australia dan Gabungan Parti Liberal/Nasional.

Laporan oleh Jawatankuasa Ekonomi Australia ini merupakan satu langkah penting ke arah penolakan rang undang-undang berkenaan



oleh Parlimen Australia. Kini, perkara ini bergantung kepada keputusan Dewan Rakyat Persekutuan Australia serta Kerajaan dan Gabungan Parti Liberal /Nasional Australia yang akan mengundi sama ada untuk menolak rang undang-undang ini di Parlimen.

MPOC mengalu-alukan laporan Jawatankuasa ini yang mengiktiraf keberkesanan dan kepentingan industri minyak sawit kepada kemakmuran Malaysia. Laporan ini juga menegaskan bahawa rang undang-undang penglabelan ke atas minyak sawit 2010 tidak akan memberi apa-apa kesan ke atas kadar atau aktiviti-aktiviti penebangan hutan

serta kesinambungan populasi orang utan di Malaysia dan Indonesia. Laporan ini juga menyebut bahawa minyak sawit merupakan salah satu daripada dasar-dasar penting kerajaan di dalam membasmi kemiskinan.

Laporan Jawatankuasa ini selanjutnya mencerminkan kebimbangan Malaysia bahawa rang undang-undang ini mencabuli dasar-dasar Pertubuhan Perdagangan Dunia kerajaan Australia. Ia menyebut bahawa rang undang-undang ini 'berkemungkinan besar akan melanggar tanggung jawab kerajaan Australia terhadap peraturan-peraturan WTO'.

Tan Sri Datuk Dr Yusof Basiron berkata, kerjasama yang erat antara kerajaan Malaysia dan industri minyak sawit telah berjaya memastikan Jawatankuasa Ekonomi Dewan Rakyat Australia menerima fakta-fakta yang tepat mengenai minyak sawit dan bukannya maklumat-maklumat yang menyeleweng daripada badan-badan bukan kerajaan yang pro-alam sekitar. Jelas sekali apabila tuntutan-tuntutan NGO ini diperhalusi, ia didapati menyeleweng untuk mencapai agenda-agenda tertentu yang terselelung.

Tan Sri Datuk Dr Yusof Basiron juga sangat gembira dengan kedua-dua laporan daripada Jawatankuasa Ekonomi Dewan Rakyat Australia yang telah membuat penghakiman yang tepat mengenai rang undang-undang ini serta menolak sekeras-kerasnya sebarang cubaan sekatan perdagangan yang berlandaskan kepada isu-isu mengenai alam sekitar. Beliau menggesa agar Parlimen Australia juga menolak rang undang-undang ini serta halangan-halangan perdagangan yang bersandarkan kepada isu-isu mengenai alam sekitar yang tidak berasas dan menyokong pertumbuhan ekonomi dan aktiviti-aktiviti pembasmian kemiskinan di Malaysia.

Terdahulu, Tan Sri Datuk Dr. Yusof Basiron mengetuai delegasi dari Malaysia ke persidangan umum di Canberra pada 1 April dan 18 August 2011 untuk meluahkan kebimbangan Malaysia terhadap kesan rang undang-undang ini ke atas industri sawit negara dan para petani kecilnya jika ia dikuatkuasakan.

Di kedua-dua persidangan tersebut, delegasi dari Malaysia membahaskan keberkesanan minyak sawit di dalam meningkatkan sosio-ekonomi para petani kecil di Malaysia serta peranannya membasmi kemiskinan dikalangan penduduk luar bandar.

Delegasi Malaysia juga menyasarkan Jawatankuasa Ekonomi Dewan Rakyat Australia Mengenai Laporan Ekonomi Terhadap Pindaan Piawaian Makanan (Ketelusan Penglabelan Minyak Sawit 2010) serta Jawatankuasa Senat Hal Ehwal Kemasyarakatan Australia bahawa minyak sawit bukanlah faktor yang

menyebabkan kemusnahan hutan dan kepupusan populasi orang utan di Malaysia. Ini kerana tanaman sawit hanya dibenarkan di kawasan yang telah dikenal pasti untuk pembangunan pertanian.

Malah, delegasi Malaysia membuktikan kepada Jawatankuasa-Jawatankuasa Australia ini bahawa Malaysia memulihara hutan semulajadinya dengan baik seperti mana yang telah diumumkan kepada perwakilan-perwakilan dunia ketika Persidangan Kemuncak Dunia di Rio de Janeiro, Brazil pada 1992. Keluasan hutan di Malaysia ketika ini merangkumi kira-kira 56% daripada keluasan tanah negara, jauh lebih tinggi berbanding komitmen yang telah diumumkan di Rio.



MPOC mengalu-alukan laporan Jawatankuasa ini yang mengiktiraf keberkesanan dan kepentingan industri minyak sawit kepada kemakmuran Malaysia. Laporan ini juga menegaskan bahawa rang undang-undang penglabelan ke atas minyak sawit 2010 tidak akan memberi apa-apa kesan ke atas kadar atau aktiviti-aktiviti penebangan hutan serta kesinambungan populasi orang utan di Malaysia dan Indonesia. Laporan ini juga menyebut bahawa minyak sawit merupakan salah satu daripada dasar-dasar penting kerajaan di dalam membasmi kemiskinan



KEISTIMEWAAN SAWIT

Tanaman sawit memberi pelbagai kebaikan yang tidak ternilai. Kepada alam sekitar. Kepada kesihatan. Kepada kehidupan. Kepada ekonomi.

Pakaknya mengeluarkan oksigen untuk hidupan dan membendung pemanasan global. Buahnya memberi vitamin dan tenaga. Industri sawit Malaysia turut menyumbang kepada kehidupan jutaan penduduk di seluruh dunia, di samping menjana ekonomi negara dan juga dunia.

Ia adalah lebih dari sekadar minyak sayuran. Ianya merupakan anugerah alam semulajadi untuk kehidupan.

Industri sawit mampan bantu pemuliharaan alam sekitar

Sudut pelajar



*Rimba akan terus hijau
Unggas riang ria berkicau
Air jernih meriak di sungai
Udara nyaman tenang di rongga*

**Pemenang pertama
Muhamad Haiqal
bin Hassan
(K/P: 960619-10-5585)
SMK Sungai Besar, 45300
Sungai Besar, Selangor**

BAIT lirik lagu yang dipetik dari lagu 'Menara Bangsa' di atas menunjukkan harapan besar yang dipikul oleh negara dalam usaha mengekalkan kelestarian alam sekitar yang dimiliki sekarang. Namun begitu, Malaysia kini menghadapi satu ancaman besar untuk merealisasikan cita-cita murni tersebut berikutan masalah pemuliharaan alam sekitar yang kurang giat dijalankan. Oleh itu penguasaan industri sawit mampan secara tidak langsung menyumbang kepada pemuliharaan alam sekitar.

Penubuhan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) merupakan langkah bijak kerajaan untuk mengendalikan perkembangan industri sawit secara sistematik dan terancang. Kejayaan MPOB mamantau dan mengendali industri sawit dapat dilihat apabila Malaysia menjadi antara pengeluar minyak sawit terbesar di dunia dan sawit menjadi antara

penyumbang terbesar kepada pendapatan negara.

Bagi memulihkan segala kepincangan yang sedang berlaku, langkah-langkah penyelesaian yang bijak dan rasional perlu dilaksanakan. Pelbagai langkah yang boleh diadaptasi untuk memulihara alam sekitar melalui pendekatan industri sawit. Salah satunya ialah melalui teknik pengkomposan. Secara amnya proses pengkomposan merupakan satu kaedah untuk menukarkan bahan organik kepada bahan lain yang lebih stabil serta mempunyai banyak ciri positif dan boleh diguna semula serta bercirikan mesra alam, bersih dan mengandungi kadar toksik yang rendah. Melalui teknik ini, sisa perladangan seperti tandan kosong kelapa sawit, pelepas sawit dan sebagainya boleh digunakan semula untuk dijadikan baja an bahan makanan kepada binatang ternakan.

Selain itu, sisa perladangan yang terhasil memerlukan kajian yang menyeluruh untuk dikendalikan dengan lebih bertanggungjawab. Sisa perladangan juga boleh diguna semula dengan mempertingkatkan tarafnya. Kaedah ini memberi kelebihan seperti penjimatan penggunaan bahan mentah dan tenaga. Hal ini dapat dibuktikan dengan penghasilan biogas yang terhasil daripada sisa buangan kilang pemrosesan sawit. Penghasilan biogas dapat mengurangkan pelepasan gas rumah hijau (GHG) dan secara tidak langsung mengurangkan pencemaran kepada alam sekitar.

Penghasilan biogas yang dapat digunakan bagi menjana tenaga adalah selaras dengan pelaksanaan dasara teknologi hijau dalam industri sawit yang diharapkan mampu memulihara alam sekitar. Melalui penggunaan teknologi hijau yang berkaitan industri sawit, pelepasan GHG dan masalah kesan pemanasan global dapat dikurangkan. Selain itu, MPOB juga berusaha menghasilkan bahan bakar yang mesra alam berasaskan sawit iaitu biodiesel sawit. Ini dapat mengahilkan penggunaan bahan bakar fosil kepada yang bersumber sawit yang terbukti lebih mesra alam.

Peningkatan dalam usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D) perlu giat dilaksanakan oleh MPOB untuk mencari lebih banyak cara serta alternatif baru dalam memulihara alam sekitar melalui industri sawit serta mengurangkan kesan eksternaliti yang negatif. Eksternaliti negatif merujuk kepada kesan buruk yang timbul terhadap masyarakat akibat perkembangan ekonomi sesebuah negara.

Kesimpulannya, pelaksanaan industri sawit yang mampan dapat menyumbang kepada pemuliharaan alam sekitar melalui kaedah-kaedah tertentu. Oleh itu, MPOB perlu mempergiatkan usaha memulihara alam sekitar agar kehidupan sejagat terjamin pada dan pada masa yang sama pengeluaran minyak sawit terus dapat dipertingkatkan.

Pelbagai langkah yang boleh diadaptasi untuk memulihara alam sekitar melalui pendekatan industri sawit. Salah satunya ialah melalui teknik pengkomposan. Secara amnya proses pengkomposan merupakan satu kaedah untuk menukarkan bahan organik kepada bahan lain yang lebih stabil serta mempunyai banyak ciri positif dan boleh diguna semula serta bercirikan mesra alam, bersih dan mengandungi kadar toksik yang rendah

Peraduan mengarang esei Berita Sawit Bulan Oktober 2011

PERADUAN ini terbuka kepada pelajar sekolah menengah di seluruh negara. Karangan adalah mengenai industri sawit negara dan antarabangsa dan ditulis tangan berpandukan tajuk yang diberikan di bawah:

Tajuk: "Minyak sawit adalah sumber makanan berkhasiat tinggi. Bincangkan."

Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit terbuka kepada semua pelajar sekolah menengah Tingkatan 1 hingga 5.

Tiga pemenang utama setiap bulan akan menerima;

Hadiah Pertama : RM250

Hadiah Kedua : RM200

Hadiah Ketiga : RM150

Esei yang berjaya mendapat tempat pertama akan disiarkan dalam Berita Sawit keluaran bulan November 2011 akan datang.

Syarat Penyertaan:

1. Terbuka kepada pelajar sekolah menengah tingkatan 1 hingga 5

2. Panjang esei di antara 450 - 600 patah perkataan

3. Sila nyatakan nama penuh, alamat sekolah, alamat rumah, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan sertakan sekeping gambar berukuran pasport (sekiranya ada)

4. Keputusan juri adalah muktamad

5. Tarikh tutup penyertaan ialah pada 24 Oktober 2011

6. Hantarkan penyertaan ke alamat: Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit

Ibu Pejabat MPOB

6, Persiaran Institusi,

Bandar Baru Bangi,

43000 Kajang, Selangor

u/p: Noor Asmawati Abdul Samad

(Unit Perhubungan Awam)

Keputusan Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Bulan Ogos 2011 Pemenang:

Hadiah Pertama

Muhamad Haiqal bin Hassan

(K/P: 960619-10-5585)

SMK Sungai Besar,

45300 Sungai Besar,

Selangor

Hadiah Kedua

Issyhora binti Ideris

(K/P: 940714-10-6596)

SMK Telok Panglima Garang,

42500 Telok Panglima Garang,

Kuala Langat, Selangor

Hadiah Ketiga

Tiada pemenang

KUIZ

KUIZ SAWIT SIRI 10



SYARAT PENYERTAAN

- Penyertaan dibuka kepada pelajar Sekolah Rendah Tahun 1 - 6
- Penyertaan hendaklah disertakan dengan borang dan ditandatangani oleh guru sekolah
- 10 pemenang yang menjawab dengan betul akan dipilih sebagai pemenang
- Sekiranya terdapat lebih 10 pemenang, Cabutan Bertuah akan dibuat
- Keputusan pengadil adalah muktamad
- Jawapan hendaklah sampai selewat-lewatnya pada 24 Oktober 2011
- Hantarkan jawapan beserta nama penuh, no. telefon dan alamat sekolah yang lengkap kepada:
- Ketua Pengarang Berita Sawit
Kuiz Sawit (Siri 8)
Ibu Pejabat MPOB
Peti Surat 10620
50720 Kuala Lumpur
(U/P: Noor Asmawati Abdul Samad)
Atau melalui Faks :03-89264572

SOALAN KUIZ

(Jawapan boleh dirujuk dalam Berita Sawit)

1. Bahan bakar berasaskan sawit boleh juga dihasilkan daripada tandan sawit kosong
 Betul
 Salah
2. Skim Tanam Semula Sawit adalah bantuan yang disalurkan kepada golongan
 Pekebun kecil sawit
 Pengusaha ladang
 Pengusaha tapak semaian
3. Maklumat mengenai industri sawit dan MPOB boleh diperolehi melalui laman sesawang?
 www.mpob.com.my
 www.mpob.gov.my
 www.mpob.org.my
4. Negara manakah yang meluluskan rang undang-undang untuk melabelkan minyak sawit pada produk makanan
 China
 Pakistan
 Australia
5. LCA dalam industri sawit adalah bermaksud
 Penilaian Kitaran Hidup
 Pemahaman Kitaran Hidup
 Pemulihan Kitaran Hidup
6. Biojisim sawit sesuai untuk menghasilkan perabot dan bahan bakar alternatif
 Betul
 Salah
7. Vitamin E dalam minyak sawit dipercayai dapat melambatkan proses penuaan
 Betul
 Elales
 Rossa
8. Apakah kandungan vitamin yang terdapat dalam minyak sawit?
 D
 Salah
9. Bagi memastikan industri sawit negara dilaksanakan secara mampan, MPOB telah memperkenalkan kod amalan iaitu...
 CoP
 RSPD
 SOP
10. Pekebun kecil sawit digalakkan menyertai koperasi bagi menambah pendapatan melalui amalan sawit mampan. MPOB telah melancarkan koperasi khas bagi tujuan berkenaan yang dikenali sebagai...
 Koperasi Pekebun Kecil Sawit
 Koperasi Penanam Sawit Mampan
 Koperasi Pekebun Sawit Mampan

BORANG PENYERTAAN

- Nama :
- Tahap :
- Alamat Sekolah:
- No. Tel:
- Tandatangan Guru:

Pemenang Kuiz Sawit Siri 9

1. Haziq bin Lani
Sekolah Kebangsaan Seri Setia, Benut, Pontian, Johor
2. Amirul Irfan Mohd Zaidi
Sekolah Kebangsaan Al-Amin, Kajang, Selangor
3. Norsofea Husaini
Sekolah Kebangsaan Seri Duyung, Melaka
4. Nurabilah Abd Karim
Sekolah Kebangsaan Rengit, Batu Pahat, Johor
5. Muhammad Syarifuddin Abd Karim
Sekolah Kebangsaan Rengit, Batu Pahat, Johor




LENSA



TAN Sri Bernard Dompok menerima kunjungan Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Pakistan, Mr Zafar Mahmood di pejabatnya baru baru ini. Turut serta Timbalan Ketua Setiausaha (Komoditi), Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK), M.Nagarajan (dua dari kanan) dan Setiausaha Bahagian (Sawit dan Sagu), KPPK, Aknan Ehtook (kanan).



TAN SRI Bernard Dompok menyampaikan cenderahati kepada bekas Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Dato' Palanivel yang telah dilantik sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri sempena majlis Jamuan Hari Raya Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi baru baru ini. Turut kelihatan Ketua Setiausaha Kementerian, Datin Paduka Nurmalia Abdul Rahim.



TIMBALAN Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Dato' Hamzah Zainudin menerima kunjungan Duta Besar Uzbekistan di Malaysia, di pejabatnya baru baru ini.

KETUA Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May menerima kunjungan rasmi Duta Belgium, HE Marc Mullie (tiga dari kiri) di Ibu Pejabat MPOB baru baru ini. Turut kelihatan Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan), Dr Ahmad Kushairi Din (kiri), Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan), Ahmad Sidek Stroo (Dua dari kanan) dan Pengarah Bahagian Pengilangan dan Pemprosesan, Dr Lim Weng Soon (kanan).



PENGERUSI MPOB, Dato' Seri Utama Shahrir Abdul Samad bersama Tan Sri Lee Oi Hian dan Datuk Dr Choo Yuen May semasa majlis Jamuan Hari Raya MPOB baru baru ini.



KETUA Setiausaha KPPK, Datin Paduka Nurmalia Abdul Rahim mengetuai Kontigen 4P (Peladang, Petani, Penjaja dan Perikanan) ketika perbarisan menyambut Hari Kemerdekaan Ke-54 di Kuala Lumpur baru baru ini. Turut kelihatan Datuk Dr Choo Yuen May (empat dari kiri di barisan kedua).



DATUK Dr Choo Yuen May bersama Dr Ahmad Kushairi Din menerima kunjungan rasmi Pesuruhjaya Tinggi New Zealand, HE David Pine di Ibu Pejabat MPOB baru-baru ini.